Buletin Perpustakaan Universiti Malaya

UNIVERSITY OF MALAYA

University of Malaya Library Bulletin

# KekalAbadi

https://umlib.um.edu.my

**Jilid 42 2024**

*Volume 42 2024*

**ISSN 0127-2578**



The Nucleus of Knowledge

# 2024

**AJK Penerbitan** *Publications Committee*
Adida Mohd Amin, Lisdar Abdul Wahid,
Juhaida Abd Rahim, Haslan Tamjehi,
Sabariah Basir, Low Li Qin
Dr Zahril Shahida Ahmad, Dr Ranita Hisham,
Norishah Abdul Rahman, Nor Mohamad Faiz Nor Fassal

**Penasihat/Ketua Editor** *Advisor/Editor-in-Chief*
Ketua Pustakawan
*Chief Librarian*

**Perekaletak** *Typesetter*
Norishah Abdul Rahman

**Gambar Kulit** *Cover Page*
Mushaf Al-Quran tulisan tangan (Manuskrip 206)
*Handwritten Mushaf of the Quran (Manuscript 206)*

**Foto Gambar Kulit** *Cover Page Photo*
Nor Mohamad Faiz Nor Fassal

**Penerbit** *Publisher*
Perpustakaan Universiti Malaya *University of Malaya Library*
50603 Kuala Lumpur

**Telefon** *Telephone*
03-7967 3206

**Faks** *Fax*
03-7957 3661

**Emel** *Email*
kekalabadi@um.edu.my

*Available online at*
*https://umlib.um.edu.my*

*Contribution of articles relating to the library science discipline are most welcome subject to the approval of the Editorial Board*

*Freeing Librarians to be Librarians*




Kekal Abadi was published quarterly from March 1982 (volume 1, number 1) until 1998 (volume 17). Volumes 17 (1998), 18 (1999), 24 (2005) and 25 (2006) were published as single issue volumes. Volumes 19 (2000), 23 (2004), 26 (2007) until volume 41 (2023) were published twice yearly. Volume 42 (2024) onwards, are published as single issue with supplement.

# KEKAL ABADI

Jil. 42 2024 *Vol. 42 2024* ISSN 0127-2578

## KANDUNGAN / *CONTENTS*

**Tinta Editor** ***Preface*** 5

**Artikel** ***Article***

**Mikrofilem Manuskrip Melayu di Perpustakaan Nasional Singapura (NUS)**
Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Haslan Tamjehi 6

**Universiti Malaya's Academic Publications in Scopus-Indexed Journals Using MyRA 2022 Audit Data: A Bibliometric Study**
Juhaida Abd Rahim, Zanaria Saupi Udin 21

**Cari Gali Maklumat Sejarah Perhutanan di Malaysia: Pengalaman, Cabaran dan Kritikan**
Mohd Fazli Abd Malek 36

**Koleksi Penyelidikan Perpustakaan Pengajian Melayu**
Nur Fakhriah Diyanah Fizalman, Haslan Tamjehi 41

**Analisis Koleksi Khas Rahmah Bujang di Perpustakaan Pengajian Melayu**
Nurul Asyikin Syamsul Kamal, Haslan Tamjehi 52

**Ulasan Buku** ***Book Review***

***Intelektual masyarakat membangun oleh Syed Hussein Alatas*****. 2023. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ulasan oleh Nurul Izzati Abdul Majid.**
Nurul Izzati Abdul Majid 59

***Guidelines for Contributors*** 61

## *TINTA EDITOR*

**“"Berpisahnya tiada"**

Pasca Covid 19 menyaksikan giatnya usaha perpustakaan untuk menggalakkan keterlibatan pengguna *(user engagement)* dengan sumber, perkhidmatan dan program-program yang dianjurkan perpustakaan. Tempoh Kawalan Pergerakan sewaktu pandemik jelas merenggangkan hubungan antara pengguna dan perpustakaan. Situasi ini adalah satu kesan global. Meskipun medium maya seperti zoom dan GMeet menjadi saluran alternatif utama untuk mengekalkan perhubungan tersebut ia masih tidak mampu mengambil alih kualiti dan superiority hubungan fizikal antara manusia. Keterlibatan pengguna adalah penting kerana ia dapat membantu pengguna khususnya pelajar untuk meningkatkan akademik mereka menerusi penyediaan akses kepada sumber seperti buku, artikel ilmiah dan pangkalan data. Selain itu inisiatif keterlibatan pengguna untuk menggalakkan kecelikan maklumat digital seperti kemahiran dalam menilai sumber digital dan penyediaan sitasi untuk penulisan ilmiah. Sokongan  perpustakaan terhadap aktiviti penyelidikan dan inovasi (R&D) adalah kritikal kerana R&D adalah antara aktiviti teras bagi sebuah universiti.

Penggunaan perkhidmatan seperti Perkhidmatan Pinjaman antara Perpustakaan (ILL), Pembekalan Dokumen, konsultasi bibliografik dan *open access repositories* dapat menyumbang kepada penghasilan ilmu dan inovasi. Dalam hal ini, atas saranan Yang Berbahagia Naib Canselor UM Profesor Dato’ Seri Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman bermula 1 Ogos 2024, beliau telah menetapkan KPI kepada pustakawan untuk meningkatkan aktiviti bersama pengguna pada setiap bulan. Pelaksanaan objektif ini melibatkan Perpustakaan Utama dan khusus. Sebagai menyahut hasrat beliau, lebih dari 48 aktiviti (*engagement)* telah berjaya dilaksanakan. Sebenarnya perpustakaan sentiasa menyediakan  pelbagai aktiviti kepada penggunanya selain dari rujukan dan pinjaman bahan. Saranan daripada Naib Canselor merupakan satu penghargaan daripada beliau tentang betapa pentingnya perpustakaan  dalam jiwa para intelektual.

Hubungan yang rapat dengan Perpustakaan mencerminkan budaya keilmuan individu dan sebuah masyarakat. Maka menjadi tanggungjawab pustakawan untuk meraikan dan mengalakkan pengguna untuk datang ke perpustakaan dan dengan menyediakan pelbagai pengisian aktiviti selain sumber rujukan yang sedia ada.

Selain itu, bermula dari isu ke 42, Lembaga Pengarang Buletin Kekal Abadi hanya menerbitkan sebuah keluaran tahunan. Namun demikian, isu utama hanya mengandungi artikel ilmiah dan ulasan buku. Manakala segala penulisan tentang aktiviti perpustakaan akan dimasukkan ke dalam Suplemen. Pendekatan ini dilakukan untuk memenuhi keperluan ilmiah dan kompetensi semasa, tetapi pada waktu yang sama mengekalkan objektif asal penerbitan Buletin Kekal Abadi sebagai wadah pelaporan aktiviti Perpustakaan Universiti Malaya.

**Haslan Tamjehi**
**Editor Kekal Abadi**

# Mikrofilem Manuskrip Melayu di Perpustakaan Nasional Singapura (NUS)

Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah[1], Haslan Tamjehi[2]

[1]Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
whwmdasuki@gmail.com

[2]Perpustakaan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
haslan@um.edu.my

## Abstract

*There are several lists and catalogs of manuscripts that were previously developed by earlier researchers regarding the existence of Malay manuscripts in Singapore. To date, the number of these manuscripts may have reached into the hundreds, most of which are stored at the National Library of Singapore. However, behind this, there are also several manuscript copies that are not listed in the aforementioned catalogs, and these are stored in a specific location. This refers to a number of Malay manuscript copies in microfilm format, which are currently held at the Main Library of the National University of Singapore. This article provides clarification regarding these materials, their quantity, and a description of how accessible they are. This clarification is expected to bridge the gaps in the existing knowledge regarding some of the reprographic copies that are missing from the general catalogs. Since these copies are said to have received little coverage, this discussion aims to inspire researchers to observe and study the manuscript copies in this library in greater detail.*

**Keywords:** *Malay manuscript microfilms; Main Library of the National University of Singapore (NUS); manuscript lists and catalogs; reprographic copies; categories*

## Abstrak

Terdapat beberapa senarai dan katalog manuskrip yang pernah dibangunkan oleh para pengkaji terdahulu berhubung keberadaan manuskrip Melayu di Singapura. Sehingga kini, jumlah manuskrip ini mungkin sudah mencapai ratusan, yang hampir kesemuanya disimpan di Perpustakaan Nasional Singapura. Namun di sebalik itu terdapat pula beberapa buah salinan manuskrip yang tidak disebutkan di dalam senarai katalog berkenaan, bahkan ia tersimpan di suatu tempat yang khusus. Hal ini dimaksudkan dengan sejumlah salinan manuskrip Melayu dalam bentuk mikrofilem yang kini berada di Perpustakaan Utama Universiti Nasional Singapura. Artikel ini memberikan pencerahan mengenai bahan-bahan tersebut, jumlahnya, dan juga deskripsi berhubung sejauh mana ia dapat diakses. Pencerahan ini dijangka dapat merekatkan cebisan-cebisan pengetahuan yang sedia ada berhubung sebahagian daripada salinan reprografi yang tercicir daripada katalog-katalog umum. Memandangkan salinan-salinan ini dikatakan kurang mendapat liputan, perbincangan ini dimaksudkan

untuk mencetuskan keghairahan penyelidik untuk mengobservasi dan mengkaji salinan-salinan manuskrip di perpustakaan tersebut secara lebih terperinci.

**Kata Kunci:** Mikrofilem manuskrip Melayu; Perpustakaan Utama Universiti Nasional Singapura (NUS); senarai dan katalog manuskrip; salinan reprografi; kategori

## Pendahuluan

Pada dasarnya, Singapura bukanlah 'lubuk emas' manuskrip Melayu – tidak seperti di Kepulauan Indonesia, Brunei, Malaysia, Filipina, atau di Selatan Thai. Namun hal ini tidak mengetepikan peranan Singapura dalam perkembangan penelitian mengenainya. Jika beberapa wilayah alam Melayu yang lain dilihat kaya dengan pelbagai manuskrip yang tinggi nilainya selari dengan kedudukan dan perkembangan penyalinan teks-teks yang pesat dinaungi oleh raja-raja, atau dengan inisiatif pembelajaran serta pengajaran ilmu di institusi-institusi pendidikan tradisional; maka di Singapura pula selari dengan latar pembangunan entiti politiknya sebagai Jajahan Mahkota Inggeris dan sebahagian daripada Negeri-negeri Selat, manuskrip-manuskrip Melayu mengalir dengan inisiatif dan aktiviti orang Barat. Program-program pengumpulan dan penyalinan manuskrip Melayu berjalan lancar, dan ia dianggap sebagai aktiviti penting sepanjang abad ke-19 hingga industri percetakan mengambil alih kedudukannya (van der Putten, 2014: 45-47). Meskipun banyak antara manuskrip-manuskrip ini akhirnya tersebar ke tempat-tempat lain, beberapa sisanya kekal berada di Perpustakaan Raffles (kini Perpustakaan Nasional Singapura) hingga sekarang.

Beberapa pakar dan sarjana manuskrip Melayu telah banyak melakukan usaha pengesanan di Singapura – seperti Annabel Gallop, Henri Chambert-Loir, Wan Ali, atau Roper; begitu juga dengan mereka yang jauh lebih mendahului, seperti van der Tuuk, Winstedt, atau Lanyon-Orgill, jelas memperlihatkan bahawa perhatian terhadap bahan-bahan manuskrip Melayu di Singapura agak menarik dan mencabar. Lebih dari itu dapat pula dikatakan betapa kedudukan dan nilai bahan-bahan berkenaan tetap saja dianggap penting sebagai sumber sejarah dan identiti warisan, malah signifikan untuk membariskan Singapura secara setara dengan tempat-tempat lain dalam memancarkan warisan kebudayaan, persuratan dan pemikiran Melayu itu. Dalam perkembangan ini, antara tarikan dan cabaran tersebut – yang perlu diiluminasi dan ditangani adalah juga dari segi penjumlahan dan diseminasi bahan, selain identiti serta pencirian bahannya (dengan erti memastikan persamaan salinan, keunikan versi, atau kategori genre teks) hingga bahan-bahan tersebut dapat dikenali dengan lebih mendalam. Hal ini kerana, jumlah dan kedudukan manuskrip-manuskripnya sering bertukar-tukar. Kajian-kajian pengesanan menunjukkan bahawa dengan jumlah tidak melebihi 40 buah, manuskrip-manuskrip itu berada di beberapa pusat penyimpanan, tetapi kini setelah bercampur-campur dengan koleksi Melayu lain, dikatakan mencapai lebih 250 buah (Mazelan, 2014: 71).

Akhir-akhir ini Singapura turut berusaha untuk bersama memperkembangkan lagi potensi dan minat penyelidik dalam pengkajian manuskrip Melayu. Antara usaha-usaha itu misalnya, dengan membantu

mempermudahkan lagi akses awam terhadap koleksi manuskrip digital dengan menyediakan suatu platform yang dapat meraih dan menampung banyak koleksi dunia dan di Singapura sendiri. Usaha ini dikatakan dapat memberikan rangsangan besar kepada penyelidik, ahli akademik dan peminat sejarah, budaya dan sastera Kepulauan Melayu khususnya dengan menggalakkan lebih banyak penelitian bahan digital tentang warisan alam Melayu (Hadijah, 2021). Sebuah portal yang diberi nama BookSG telah dilancarkan; yang memberikan akses percuma untuk membaca manuskrip dan buku nadir Melayu tanpa datang ke perpustakaan (Mazelan, 2014: 73). Walau bagaimanapun, dalam menyaksikan kejayaan-kejayaan liputan dan penyediaan infrastruktur digital yang semakin kompleks ke atas manuskrip-manuskrip ini, rupa-rupanya terdapat sekelompok manuskrip Melayu yang posisinya seolah -olah terpinggir, sungguhpun ia sudah berada di Singapura sekian lama. Bahan-bahan yang dimaksudkan ialah sejumlah manuskrip Melayu dalam salinan mikrofilem yang kini tersimpan di Perpustakaan Utama Universiti Nasional Singapura (NUS).

Ternyata di sebalik kesungguhan sarjana dan peminat menyelidik bahan-bahan manuskrip Melayu hingga terpaksa pula pergi ke tempat yang jauh seperti di Eropah, masih banyak institusi yang tidak kurang penting di rantau ini menyimpan manuskrip Melayu (melalui pelbagai akses, termasuk berbentuk mikrofilem), yang belum benar-benar diterokai. Dalam kes di perpustakaan NUS ini, pemerhatian serta perbandingan awal menunjukkan bahawa maklumat katalog yang mengiringi bahan -bahan terbabit agak langka dan unik, meskipun beberapa buah daripadanya dikenal pasti tersimpan di salah sebuah pusat penyimpanan manuskrip yang terawal di Malaysia, iaitu Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka.[1] Sehingga kini, belum ditemukan katalog manuskrip atau hasil inventarisasi yang popular dan lebih menyeluruh, yang dapat menjelaskan kedudukan salinan mikrofilem manuskrip Melayu di perpustakaan NUS. Hal yang demikian bukan hanya mendatangkan kekeliruan terhadap fakta yang terdahulu tentang jumlah manuskrip Melayu di Singapura malah ketidaktentuan posisi bahan-bahan itu sekaligus menunjukkan bukti betapa reprografi teks manuskrip dalam bentuk mikrofilem lama dahulu, tidak banyak diberikan perhatian.

Artikel ini ingin mengambil inisiatif untuk membincangkan bahan-bahan yang diperkatakan dengan harapan dapat memberikan suatu pencerahan, khasnya dari segi jumlah yang dikesan sehingga kini dan deskripsi tentang sejauhmana ia dapat diakses. Sejumlah info yang berguna berhubung perkara ini dapat disalurkan kepada khalayak penyelidik yang berminat – tentang sebahagian daripada salinan manuskrip Melayu yang tercicir daripada katalog-katalog umum. Justeru pencerahan ini dijangka mampu mencetuskan minat mengobservasi dan menyelidiki salinan-salinan itu yang berada di Artikel ini ingin mengambil inisiatif untuk membincangkan bahan-bahan yang diperkatakan dengan harapan dapat memberikan suatu pencerahan, khasnya dari segi jumlah yang dikesan sehingga kini dan deskripsi tentang sejauhmana ia dapat diakses. Sejumlah info yang berguna berhubung perkara ini dapat disalurkan kepada khalayak penyelidik yang berminat – tentang sebahagian daripada salinan manuskrip Melayu yang tercicir daripada katalog-katalog umum. Justeru pencerahan ini dijangka mampu mencetuskan minat mengobservasi dan menyelidiki salinan-salinan itu yang berada di

Perpustakaan Utama NUS ini secara lebih intensif, hingga dapat menyumbang pula ke arah usaha-usaha menerbitkan teks-teks yang berkaitan.

## Keberadaan Manuskrip Melayu di Singapura Secara Umum

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa jumlah simpanan bahan manuskrip Melayu di Singapura tidak begitu banyak. Justeru, laporan-laporan tentang keberadaan bahan-bahan itu juga wujud dalam jumlah yang minimum. Pada peringkat awal, terdapat 39 buah manuskrip sepertimana yang pernah dilaporkan oleh van der Tuuk (1889), iaitu sejumlah manuskrip yang diperolehi oleh Benjamin Keasberry sekitar tahun 1860-an. Dengan kegiatan Keasberry dan Alfred North, sememangnya Singapura menjadi hab pengumpulan manuskrip Melayu dalam abad ke-19. Atas faktor ini jugalah Singapura menjadi pusat skriptorium; yang menyalin manuskrip untuk orang Eropah. Abdullah Munsyi dan Husin Ismail, merupakan antara dua orang penyalin yang banyak bekerja untuk skriptorium ini (van der Putten, 2014: 45-47). Dengan kegiatan ini, jumlahnya tentu mengalami pasang-surut, memandangkan manuskrip-manuskrip itu tidak kekal di Singapura lantaran tersebar ke sana-sini. Koleksi di Perpustakaan Kongres Amerika Syarikat, menjadi salah satu contoh ketersebaran manuskrip-manuskrip yang pernah terkumpul dan disalin di Singapura. [2]

Dalam pada itu, sememangnya tidak diketahui dengan tepat jumlah manuskrip yang dikumpul dan disalin di Singapura, jika diperbandingkan dengan apa yang telah dibawa ke luar negeri, oleh kerana sudah tentu ada di antaranya pula yang mengalami kehilangan dan kerosakan. Namun, hitungan yang lebih meyakinkan pada abad ke-20 telah dilakukan oleh Chambert-Loir (1980), berdasarkan beberapa laporan sarjana dan pemerhati kolonial yang terdahulu, misalnya Winstedt (1920) dan beberapa orang lain lagi. Hasilnya, Chambert-Loir (1980b) turut berjaya mengemukakan sekitar 25 buah manuskrip Melayu di Perpustakaan Utama NUS berdasarkan senarai awal oleh Zaleha Tamby. Dalam perkembangan seterusnya, Chambert-Loir dan Oman (1999: 169-170) menyatakan bahawa 25 buah manuskrip itu telah bertambah menjadi 27 buah, selain sebuah manuskrip yang dikesan berada di Muzium Nasional (National Heritage Board) dan sebuah lagi di NUS, sebagaimana yang dikemukakan oleh Gallop (1988). Wan Ali (1993) juga pernah menyenaraikan sebanyak 28 buah manuskrip di kedua-dua buah institusi tersebut (kecuali NUS). Roper, sebaliknya menyenaraikan jumlah manuskrip yang lebih banyak. Mengikut Roper (1994: 79-81), terdapat lebih 30 buah manuskrip Melayu yang merangkumi:

a. Perpustakaan Nasional, 30 buah
b. Muzium Nasional, 1 buah
c. Perpustakaan Utama NUS, 1 buah
d. Koleksi persendirian Profesor Yusof Talib, beberapa buah. [3]

Berdasarkan maklumat mutakhir, jumlah manuskrip Melayu yang diletakkan di dalam simpanan Perpustakaan Nasional sudah pun bertambah, tetapi dikumpulkan bersama- sama dalam koleksi buku

nadir (termasuk karya litograf). Dalam koleksi ini, bahan-bahan Melayu itu dikatakan mencapai lebih daripada 250 buah (Mazelan, 2014: 71).

Jika keadaan ini ditinjau secara keseluruhan, dapat dikemukakan bahawa pusat penyimpanan utama manuskrip Melayu di Singapura ialah Perpustakaan Nasional. Sesetengah manuskrip ini sekarang dapat diakses secara talian dalam portal Book SG. Sementara itu, kajian-kajian pengesanan hanya menunjukkan bahawa terdapat sebuah sahaja manuskrip Melayu di perpustakaan NUS. Sama ada tercicir atau memang telah disebutkan dalam tulisan-tulisan lain (tetapi tidak dapat ditemukan hingga ke hari ini), keterangan mengenai manuskrip Melayu dalam bentuk mikrofilem di perpustakaan ini mungkin disedari, tetapi tidak diambil perhatian oleh sarjana lepas kerana ia bukanlah sebuah manuskrip yang 'asli' (kodeks), tetapi merupakan sejenis salinan (reprografi). Manuskrip asli di perpustakaan NUS, sebagaimana yang disebutkan oleh Roper: "the exhibits in the Rare Books Room include a finely illuminated Malay MS. and an Islamic treatise in Arabic and Javanese (Arabic script: pegon)" (Roper, 1994: 81). Jika hal ini dapat dipersetujui, dapat dikatakan bahawa fokus kajian pengesanan itu dilakukan untuk mengesan kedudukan kodeks itu sendiri, dan tidak termasuk dari segi salinan-salinannya dalam pelbagai medium. Dengan sebab itu juga barangkali, bahan-bahan salinan reprografi seperti ini tidak diberikan perhatian yang memadai, hingga pada masa sekarang sudah mulai dilupakan. Namun dengan mengingatkan posisi dan kepentingannya sebagai sebuah warisan persuratan Melayu, salinan-salinan ini juga difikirkan patut sekali untuk diketengahkan (kembali), justeru ia dapat menambahkan lagi jumlah korpus bahan yang sudah sedia ada.

## Perpustakaan Utama NUS dan Koleksi Mikrofilem

Universiti Nasional Singapura, ataupun lebih dikenali sebagai National University of Singapore (NUS) merupakan sebuah pusat pengajian tinggi awam yang terbesar dan tertua di Singapura. Ia dibuka pada tahun 1905, tetapi mengalami beberapa kali proses penstrukturan semula. Setelah berpecah dengan Universiti Malaya Kuala Lumpur, ia kemudian dinamakan sebagai Universiti Singapura (sebelum digazetkan dengan nama 'Universiti Nasional') dan menerima status universiti awam sejak 1962 (Mittermaier, 2007: 49). Hampir semua fakulti NUS terletak di Kent Ridge yang luasnya 150 hektar dengan jarak sekitar 12 km dari ibu kota. Dengan itu, perpustakaannya juga terletak di sana. Koleksi perpustakaan NUS dibentuk dengan tiga cabang, iaitu: (a) Perpustakaan Utama yang menjadi teras bahan-bahan sastera, kemanusiaan, sains dan juga undang-undang, (b) Perpustakaan Cina, serta (c) Perpustakaan Fakulti Perubatan (Lim, 1970: 125). Kini, perpustakaan NUS berkembang menjadi enam entiti berdasarkan tujahan bidangnya, iaitu: (a) Perpustakaan Utama, (b) Perpustakaan Cina (di bangunan yang sama), (c) Perpustakaan Undang-undang C.J. Koh, (d) Perpustakaan Peringatan Hon Sui Sen (ekonomi dan pengajian perniagaan), (e) Perpustakaan Perubatan, Pergigian dan Farmasi, dan (f) Perpustakaan Sains (Mittermaier, 2007: 49). [4]

Perpustakaan utama bersifat multidisiplin dan ia mempunyai sejarah hubungan koleksinya dengan Universiti Malaya Kuala Lumpur dalam penyediaan bahan-bahan bidang sastera, kemanusiaan dan

sains sosial. Sesuai dengan usianya, perpustakaan ini memiliki koleksi langka yang sangat lengkap dan penting, termasuk tiga pucuk surat tulisan tangan Stamford Raffles (Mittermaier, 2007: 57). Selain itu, perpustakaan ini juga memiliki banyak koleksi dalam bentuk mikroform yang komprehensif digunakan dalam bidang sejarah, geografi historikal dan statistik (Lim, 1970: 128). [5] Dapat dilihat bahawa dalam kedudukan ini, penggunaan mikroform merupakan suatu keperluan dan dianggap cukup penting sekitar 40-50 tahun lepas. Ia berfungsi mempreservasi bahan-bahan dokumentasi dan informasi lain agar lebih terjaga, terurus (kerana saiznya yang kecil) dan tahan lama. Pendokumentasian serta penstoran bahan-bahan arkib, koleksi langka, begitu juga akhbar banyak menggunakan teknologi mikroform. Oleh sebab itu tidak menghairankan jika perpustakaan NUS mempunyai banyak koleksi mikroform, yang kini ada diantaranya telah diletakkan di Perpustakaan Nasional Singapura (Lee, 2006: 32). Selain itu, perpustakaan NUS juga mereproduksi bahan mikroform dalam bentuk digital termasuk koleksi Melayu sendiri. Sejumlah akhbar Melayu yang terbit sebelum Perang Dunia Kedua misalnya, dapat diakses secara talian dalam *Historical Newspaper Collection* (https://nus.edu.sg/nuslibraries/collections/special-collections/historicalnewspapers-collection).

Mikroform merupakan istilah dasar untuk semua reproduksi fotografi mikro, iaitu sejenis foto yang dikecilkan saiznya beberapa kali dalam bentuk yang pelbagai. Terdapat tiga bentuk mikroform yang biasa digunakan di perpustakaan atau di pusat-pusat dokumentasi iaitu mikrofilem, mikrofis, selain mikrokad (Azizah, 1988: 10-11). Jika dibandingkan dengan dua lagi bentuk mikroform yang lain, bentuk mikrofilem merupakan rangkaian muka surat salinan sesuatu dokumen yang dikecilkan saiz dan disimpan dalam gulungan filem yang berukuran 16 mm (milimeter), 35 mm atau 70 mm. Mikrofilem yang berukuran 35 mm, merupakan jenis yang paling bayak terdapat di perpustakaan-perpustakaan (Azizah, 1988: 11). Salinan-salinan manuskrip Melayu di perpustakaan utama NUS juga tersimpan dalam mikrofilem bersaiz 35 mm. Walau bagaimanapun, liputan tentang pengumpulan awal bahan-bahan mikrofilem yang ada kaitan dengan pembinaan koleksi perpustakaan ini sukar untuk ditemukan, khususnya dalam konteks manuskrip yang dimaksudkan. Dengan itu, latar belakang kemunculan salinan-salinan manuskrip berkenaan di Perpustakaan Utama NUS masih belum dapat dipastikan sejelas-jelasnya, kecuali dengan hanya beberapa andaian. Apatah lagi pula salinan-salinan itu sendiri tidak begitu diberikan perhatian oleh para pengkaji sebelum ini. Antara andaian yang mungkin relevan dibangunkan adalah – berkenaan program usaha sama Singapura-Malaysia dan beberapa buah negara ASEAN yang lain, untuk memikrofilem bahan-bahan informasi dan dokumen yang dikongsi bersama. Menerusi program yang dipanggil sebagai Projek SARBICA-CONSAL ini, beribu-ribu bahan telah dimikrofilemkan dengan melibatkan banyak institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia dan Universiti Malaya (antara yang mewakili Malaysia) – begitu juga Perpustakaan Nasional Singapura selain NUS sendiri (yang mewakili Singapura) (Winarti, 1978: 8-9). Dalam konteks ini, terdapat sejumlah karya sastera Melayu tradisional turut dimasukkan ke dalam entri projek:

*The Masterlist is arranged by country with a section for Southeast Asia as a whole. Within each country section, the arrangement is alphabetical. Malay classical literature is an exception as the literature is*

*common to Indonesia, Malaysia and Singapore, and the entries were arranged together under the heading "Malay Classical literature" in the Southeast Asia section.* [6]
*(Winarti, 1978: 4-5)*

Kemungkinan salinan-salinan mikrofilem manuskrip Melayu yang ada tersimpan di Perpustakaan Utama NUS itu turut merupakan penghasilan projek ini.

## Salinan Mikrofilem Manuskrip Melayu di Perpustakaan Utama NUS

Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan, terdapat setidak-tidaknya tujuh buah manuskrip Melayu yang tersimpan dalam koleksi khas perpustakaan ini, kesemuanya berada dalam bentuk salinan mikrofilem. Berikut dikemukakan senarai bahan-bahan salinan berkenaan, disertai dengan beberapa maklumat tambahan, termasuk kategori teks (sastera), judul, tempat simpanan, cara pemerolehan, nombor panggilan, selain beberapa maklumat tambahan.

1.

| | |
|---|---|
| Kategori Teks | Ketatanegaraan |
| Judul | *Bustan us Salatin* |
| Asal / Tahun | Pahang / tidak diketahui |
| Lokasi | Bahagian Mikrofom Perpustakaan Utama, Kaunter Pinjaman |
| No. Panggilan | PL5133.2 Ran.S |
| Stak | R0024782 |
| Status | perlu mohon (*request item*) |
| Deskripsi bahan | 1 ril mikrofilem, negatif, 35mm |
| Catatan | Beberapa halaman telah rosak, pemilik asal Tengku Sulaiman (Tengku Besar Pahang) [7] |

2.

| | |
|---|---|
| Kategori Teks | Kepustakaan ilmu tradisional |
| Judul | *Ilmu Ubat Bedil* |
| Asal / Tahun | Kelantan / tidak diketahui |
| Lokasi | Bahagian Mikrofom Perpustakaan Utama, Kaunter Pinjaman |
| No. Panggilan | GN477 Ilm |
| Stak | R0028718 |
| Status | perlu mohon |
| Deskripsi bahan | 1 ril mikrofilem, 35mm |
| Catatan | 46 muka surat, mengenai ubat bedil *(gunpowder)* |

3.

| | |
|---|---|
| Kategori Teks | Adat |
| Judul | *Kitab Adat Segala Raja-raja Melayu dalam Segala Negeri* |
| Asal / Tahun | Singapura / 1837 |
| Lokasi | Bahagian Mikrofom Perpustakaan Utama, Kaunter Pinjaman |
| No. Panggilan | BL2080 Kit |
| Stak | R0028718 |
| Status | perlu mohon |
| Deskripsi bahan | 1 ril mikrofilem, negatif, 35mm |
| Catatan | 90 muka surat mengenai kelahiran anak-anak raja, disalin oleh Abdullah bin Abdul Kadir (Munsyi) |

4.

| | |
|---|---|
| Kategori Teks | Kepustakaan ilmu tradisional |
| Judul | *Kitab Tibb* |
| Asal / Tahun | Kota Bharu, Muhammad Saleh bin Ahmad Penambang / 1871 |
| Lokasi | Bahagian Mikrofom Perpustakaan Utama, Kaunter Pinjaman |
| No. Panggilan | GN477 Kit |
| Stak | R0028718 |
| Status | perlu mohon |
| Deskripsi bahan | 1 ril mikrofilem, 35mm |
| Catatan | *Ilmu penyakit dan ubat2 (Kitab tibb)* (judul lain), 488 muka surat |

5.

| | |
|---|---|
| Kategori Teks | Kepustakaan ilmu tradisional |
| Judul | *Kitab ubat2 Melayu (from Trengganu)* |
| Asal / Tahun | Kuala Terengganu / tidak diketahui |
| Lokasi | Bahagian Mikrofom Perpustakaan Utama, Kaunter Pinjaman |
| No. Panggilan | GN477 Kit |
| Stak | R0028718 |
| Status | perlu mohon |
| Deskripsi bahan | 1 ril mikrofilem, 35mm |
| Catatan | 527 muka surat |

6.

| | |
|---|---|
| Kategori Teks | Kepustakaan ilmu tradisional |
| Judul | *Manuscript on Malay Magical Medicine* |
| Asal / Tahun | Tidak diketahui |
| Lokasi | Bahagian Mikrofom Perpustakaan Utama, Kaunter Pinjaman |
| No. Panggilan | GN477 Kit |
| Stak | R0028718 |
| Status | perlu mohon |
| Deskripsi bahan | 1 ril mikrofilem, 35mm |
| Catatan | 176 muka surat mengenai sihir (*magic*) |

7.

| | |
|---|---|
| Kategori Teks | Persejarahan / hikayat |
| Judul | *Tun* [8] *Puteri Jauhar Manikam, Terlalu Mashhor Warta-nya* |
| Asal / Tahun | Tidak diketahui |
| Lokasi | Bahagian Mikrofom Perpustakaan Utama, Kaunter Pinjaman |
| No. Panggilan | DS599 J.Tun |
| Stak | R0028683 |
| Status | perlu mohon |
| Deskripsi bahan | 1 ril mikrofilem, 35mm |
| Catatan | Salinan seperti dalam Rylands Malay MS 10, 156 muka surat (yang kesemuanya diberikan nombornya), sejarah, John Rylands Library (Manchester) |

Jika didasarkan pada keterangan-keterangan senarai di atas, dapat difahamkan bahawa:

a. Hampir kebanyakan bahan mempunyai halaman yang tebal, terdiri antara 90-500 muka surat kecuali Ilmu Ubat Bedil (46 muka surat) dan Bustan (yang tidak dapat dipastikan jumlahnya). Jumlah muka surat yang agak tebal kemungkinan dapat memberikan impak yang bermakna dari segi isi kandungan dan data teksnya.

b. Kesemua salinan bahan dikutip dari berbagai tempat yang tidak diketahui (atau tidak dimaklumkan), kecuali hanya sebuah daripadanya, iaitu salinan teks oleh Abdullah Munsyi dikatakan berasal dari Singapura.

c. Terdapat percampuran teks dan kemungkinan gabungan di antara helaian-helaian halaman dalam salinan-salinan itu. Hal ini dapat dilihat menerusi bahan-bahan yang dikemukakan memiliki lebih daripada satu judul.

d. Majoriti karya yang disenaraikan adalah daripada kategori teks kepustakaan ilmu tradisional (4 bahan). Tiga daripada bahan dalam kategori ini dikatakan berasal dari Kelantan dan Terengganu. Sementara itu, kategori kedua ialah persejarahan (1 bahan), kemudian adat dan ketatanegaraan (masing-masing dengan satu bahan sahaja). Teks persejarahan itu pula mungkin digabungkan bersama dengan teks-teks hikayat dalam satu gulungan ril mikrofilem.

Keterangan-keterangan yang diberikan pada dasarnya memang tidak lengkap. Hal ini disebabkan kerana tiada maklumat terperinci yang disertakan dengan bahan itu sendiri apabila ia diletakkan di perpustakaan. Pustakawan yang asal atau mereka yang mula-mula bekerja dengan koleksi ini mungkin mengetahuinya serba sedikit. Namun begitu, tidak semua mereka membuat catatan lengkap mengenainya. Pustakawan yang baharu akan hanya mewarisi bahan-bahan seumpamanya per se dan tidak menyelidiki latar belakang salinan-salinan itu dengan lebih lanjut, mungkin kerana kekangan masa dengan tugas-tugas lain yang lebih penting. Sebagaimana yang dapat diperhatikan di beberapa buah institusi yang lain juga, salinan mikrofilem manuskrip-manuskrip ini sebenarnya lebih berfungsi sebagai ‘bahan pendua’ manuskrip asalnya. Banyak antara salinan-salinan ini tidak dibekalkan dengan

apa-apa info yang berkaitan, seperti tahun dibuat salinan mikrofom, pemilik asal bahan, bentuk dan ukuran manuskrip asal, data kertas, jilid dan kulitnya, dan sebagai lagi. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pengkaji sendiri mengobservasi salinan-salinan itu dengan teliti sehingga berupaya melakukan perbandingan berdasarkan inventarisasi sumber manuskrip asal atau maklumat yang disediakan pada katalog manuskripnya. Dalam konteks ini, boleh dikatakan bahawa meneliti bahan manuskrip daripada salinan mikrofilem ternyata memiliki kerumitan yang tersendiri, selain memerlukan kemahiran dan kebiasaan membaca menggunakan alat pembaca mikrofilem. Jika diperbandingkan dengan manuskrip-manuskrip digital, cabaran ini dilihat jauh lebih besar, dengan keadaan salinan mikrofilem yang hitam-putih itu, tentu sekali sukar memberikan data tepat mengenai warna-warna tulisan dan iluminasi yang terdapat dalam manuskrip berkaitan. [9]

Berdasarkan pemerhatian dan perbandingan, terdapat beberapa maklumat asas (dan mungkin dapat dianggap sebagai interpretasi pula pada bahan-bahan tersebut) yang ingin dikongsikan di sini. Bahan yang bernombor 7 sebenarnya merupakan suatu salinan yang didapatkan daripada bahan asalnya yang tersimpan di Perpustakaan John Rylands, di Manchester. Di perpustakaan ini, terdapat 11 manuskrip Melayu (dan juga dalam bahasa-bahasa lain: Bugis, Bali, Jawa dan Madura) yang diperolehi daripada koleksi Earl of Crawford, Scotland yang berusia sekitar abad ke-18 dan ke-19. Bahan nombor 7 dalam simpanan Perpustakaan Utama NUS sebenarnya ialah MS 10, yang berjudul History of Johore (Taylor, 1971-2: 473). Bahan bernombor 4 ialah salinan manuskrip asal kitab tib yang disalin Muhammad Salleh bin Ahmad Kampung Penambang, Kota Bharu Kelantan. Tidak dapat dipastikan pula apakah ia merupakan duplikasi daripada salinan faksimili yang ada disimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang yang diberikan judul Kitab Ilmu Perubatan (MS33) (Kamariah dan Wan Salhah, 2006: 63). Salinan Dewan Bahasa itu berjumlah 491 muka surat sementara di perpustakaan utama ini pula salinannya berjumlah 488 muka surat. Sekiranya hal ini diterima – bahawa kedua-dua salinan itu berasal daripada teks manuskrip yang sama, ia juga mungkin diperoleh pada waktu yang sama, iaitu sekitar penghujung tahun 1960-an. Mengiringi salinan ini juga, ialah sebuah lagi manuskrip iaitu Ilmu Ubat Bedil (bahan bernombor 2) yang turut disimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ia diberikan judul Ilmu Bedil (MS 31) (Kamariah dan Wan Salhah, 2006: 63). Kemungkinan teks Ilmu Bedil atau Ilmu Ubat Bedil ini disalin oleh Muhammad Saleh Penambang berdasarkan bentuk penulisan dalam kedua-dua bahan manuskrip. Apa yang pasti, kesemua karya ini pada dasarnya boleh dikatakan berasal daripada tuannya – iaitu Tengku Bongsu Bachok bin Tengku Temenggung Long Tan yang bergelar Raja Muda Penambang (mangkat tahun 1887) yang menaungi kegiatan penyalinan manuskrip-manuskrip Melayu, termasuk beberapa buah hikayat dan ilmu-ilmu tradisional Kelantan yang lain (Farouk, 2016: 247-248). [10]

Suatu contoh yang menarik dapat ditunjukkan menerusi teks Ilmu Ubat Bedil simpanan Perpustakaan Utama NUS. Bahan ini memiliki beberapa perbezaan yang jelas, meskipun kandungannya sama dengan MS 31 yang tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bentuk ayat dan kesalahan penulisan MS 31 turut dinyatakan kembali dalam teks ini, tetapi dengan penambahan kata dan struktur ayat yang diulang-ulang; menyebabkan jumlah kata-kata itu secara relatifnya menjadi lebih banyak berbanding

teks MS 31. Selain itu, teks Ilmu Ubat Bedil disalin dengan menempatkan iluminasi pada dua muka surat pertama (lihat rajah 1), dan juga memuatkan motif-motif bunga lawang dan cengkih (yang sama pada iluminasi itu) di dalam keseluruhan teks – awal hingga akhir. Motif-motif tersebut digunakan sebagai penanda permulaan bab, yang diseiringkan dengan rubrikasi (walaupun begitu, warna rubrikasi ini tidak jelas kerana ia merupakan salinan mikrofilem). Dalam MS 31 pula, kesemua unsur-unsur hiasan ini tiada. Dua muka surat pertama MS 31 hanya bertandakan cop mohor 'Raja Muda Kelantan' di bahagian kiri-kanan margin (verso-recto) kertas. MS 31 ini merupakan salinan faksimili, justeru detil kertasnya juga tidak mampu dijelaskan dengan lebih lanjut, sama seperti teks Ilmu Ubat Bedil. Sungguhpun begitu, dapat dikatakan pula bahawa bahan ini menonjolkan karakteristik yang tersendiri dan unik. Dengan erti kata lain, Ilmu Ubat Bedil dapat menunjukkan bahawa sesetengah bahan yang wujud dalam koleksi mikrofilem ini mungkin berbeza daripada apa yang telah ditemui di tempat-tempat lain, hingga menimbulkan motivasi pula – betapa keseluruhan bahan yang ada itu perlu diteliti lebih lanjut.



Rajah 1: Ilmu Ubat Bedil (Perpustakaan Utama NUS)

## Proses Pencarian dan Mendapatkan Salinan

Memandangkan kesemua bahan yang telah diperkatakan itu merupakan salinan bahan dalam bentuk mikrofilem, proses untuk mendapatkan bahan serta membaca teks-teks seumpamanya agak berbeza dengan jenis-jenis bahan yang lain. Untuk mendapatkan bahan-bahan ini, penyelidik amat tidak disarankan terus pergi berjumpa pustakawan dan bertanyakan berkenaan bahan yang dimaksudkannya. Sehingga itu, bahan-bahan yang dimaksudkan juga belum lagi dinyatakan melalui mana-mana katalog manuskrip salinan mikrofom. Justeru, apa yang perlu dilakukan oleh seseorang penyelidik ialah:

a. Mencari maklumat dan mengesahkan keberadaan bahan dengan meninjau dalam portal ‘National University of Singapore AirPAC’ (https://linc.nus.edu.sg/search/). Penyelidik akan memasuki laman sistem pencarian bahan yang dipanggil ‘Library Integrated Catalogue’ (LINC)
b. Penyelidik perlu klik pada ruangan kunci pencarian ‘simple search’ dengan menaip kata kunci ‘manuscripts, Malay -- facsimiles’
c. Sesudah klik, penyelidik boleh mencari bahan-bahan itu dengan lebih cepat dengan cara menaip sekali lagi kata kunci serta menukar kunci cariannya daripada ‘simple keyword’ kepada ‘subject’.
d. Setelah itu, paparan akan menunjukkan laman seperti berikut (https://linc.nus.edu. sg/ search~S16/?searchtype=d&searcharg=manuscripts% 2C+malay&searchscope=16&sortdropdown=&SORT=DZ&extended=0&SUBMIT=Search&searchlimits=&searchorigarg=Ymanuscripts%2C+malay%26SORT%3DDZ) (lihat rajah 2)



Rajah 2: Paparan skrin pencari bahan mikrofilem pada LINC NUS

e. Penyelidik perlu klik pada nombor bahagian pencarian (nombor 10 jika merujuk rajah 2). Proses klik selanjutnya pada subjek akan menemukan penyelidik dengan senarai yang dikehendaki. Penyelidik harus menyemak maklumat tersebut sebelum mencatatkannya.
f. Sekiranya penyelidik merupakan ahli perpustakaan NUS, urusan akan menjadi lebih mudah kerana hanya perlu menempah di talian. Namun jika tidak, penyelidik perlulah menulis surat permohonan dengan mengemukakan maklumat bahan yang diminta, tujuan dan butiran diri. Surat permohonan ini hanya ditulis menggunakan e-mel rasmi institusi (tidak perlu lampiran). Selain itu, penyelidik juga disarankan agar mengemukakan bukti penelitian, berupa surat akuan pelajar (jika penyelidik ialah seorang penuntut universiti) atau daripada ketua jabatan. Permohonan harus dikirim menerusi emel kepada Ketua Bahagian Koleksi. Senarai alamat e-mel dan nama pegawai yang terlibat disertakan dalam laman web perpustakaan (https://nus. edu.sg/nuslibraries/about/our-people).

g. Setelah permohonan diemel, penyelidik akan dihubungi (menurut kebiasaan dalam tempoh 3 hari bekerja) oleh pegawai yang terlibat.

Selari dengan tuntutan bidang kemanusiaan digital (digital humanities), proses kajian manuskrip Melayu turut menjadi semakin mudah; benar-benar 'dihujung jari'. Setelah permohonan diluluskan, penyelidik tidak perlu datang membaca bahan yang terbabit dengan menggunakan alat pembaca mikroform. Kajian ini sebaliknya boleh dilakukan di rumah atau di pejabat. Pegawai yang bertanggungjawab akan mengirim satu salinan pdf (portable document format) bahan yang diminta itu menerusi emel. Walau bagaimanapun, di sebalik kemudahan ini, penyelidik masih lagi terikat dengan penyebaran salinan teks yang dimaksudkan. Penyebaran dan penggunaan bahan tidak boleh sewenang -wenangnya melainkan ia hanya dalam skop seperti yang telah dinyatakan dalam permohonan terdahulu. Selain itu, penyelidik juga dikehendaki menyerahkan satu salinan laporan penyelidikan berkenaan ke Perpustakaan NUS, bagi tujuan koleksi mereka.

## Saranan dan Penutup

Kajian yang lebih mendalam mengenai koleksi bahan-bahan mikrofilem ini menjadi suatu keperluan pada masa hadapan. Hal ini tidak hanya dimaksudkan dengan kajian-kajian terhadap teks manuskrip, menganalisis dan mentransliterasi bahagian-bahagian teks itu dan kemudian diterbitkan untuk bacaan khalayak yang lebih luas. Bahkan apa yang lebih penting dalam konteks ini adalah untuk melihat dengan lebih tajam tentang hubungan dan jalinan bahan-bahan mikrofilem ini dengan reproduksi bahan yang tersimpan di tempat-tempat lain (termasuk juga dengan manuskrip asalnya). Kajian ini akan membangun pengetahuan yang lebih rinci tentang diseminasi bahan hingga dapat difikirkan pula sejauh manakah pentingnya koleksi manuskrip itu disebarkan dengan jalan reprografi, dan pada masa yang sama dapat mempertimbangkan tentang signifikasi institusi penyimpanannya, dalam hal ini Perpustakaan Utama NUS sendiri dalam mata rantai pengajian manuskrip Melayu. Dengan itu, beberapa isu berhubung inventarisasi, proses pengesanan serta pengkatalogan manuskrip (Wan Ali, 2016: 14-15), khasnya dari segi pengelolaan bahan mikrofilem itu sendiri akan dapat dipelajari dan diatasi. Manuskrip Melayu dalam salinan mikrofilem, mungkin pada suatu ketika akan hanya lebih difikirkan sebagai bebanan dalam era kebanjiran manuskrip digital.

## Makluman

Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan Gandhimathy Durairaj, Ketua Bahagian Koleksi, dan Encik Herman Felani Md. Yunos, Ketua Bahagian Operasi Perpustakaan Utama NUS untuk penulisan artikel ini.

## Rujukan

Azizah Mohammad Nor. (1984). Koleksi mikroform di perpustakaan Universiti Malaya: Satu tinjauan. *Kekal Abadi, 3*(1), 10-12.

Chambert-Loir, H., & Oman Fathurahman. (1999). *Khazanah naskah panduan koleksi naskah-naskah Indonesia sedunia.* École française d'Extrême-Orient, dan Yayasan Obor Indonesia.

Chambert-Loir, H. (1980). Catalogue des catalogues de manuscrits malais. *Archipel, 20*, 45-69.

Chambert-Loir, H. (1980b). Les manuscrits malais de Bale, Lund, Singapour et Paris. *Archipel, 20*, 87-98.

Gallop, A. (1988). Malay manuscript collections in Malaysia, Singapore and Brunei. *SEALG Newsletter, 32*(3), 15-20.

Farouk Yahya. (2016). *Magic and divination in Malay illustrated manuscripts.* Brill.

Hadijah Rahmat. (2021, 16 Nov.). Persuratan Melayu kian layu? Tidak, malah terus mekar. Berita *Harian.* https://www.beritaharian.sg/uncategorized/persuratan-me layu-kian-layu-tidak-malah -terus-mekar

Kamariah Abu Samad, & Wan Salhah Megat Ahmad. (2006). *Katalog manuskrip Melayu koleksi Pusat Dokumentasi Melayu.* Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lee, G. (2006). Microform collection and services at the Lee Kong Chian Reference Library. *BiblioAsia, 2* (1), 32-35.

Lim, H.T. (1970). Libraries in West Malaysia and Singapore: A short history. University of Malaya Library.

Mazelan Anuar. (2014). Nota pustakawan. In *Yang menulis [They who write],* 69-75. National Library Board.

Mittermaier, B. (2007). *Libraries in Singapore*. Forschungszentrum Jülich GmbH.

Putten, J., van der. (2014). Ejen-ejen sastera dalam dunia Melayu: Penyurat dan penyalin. In Yang *menulis [They who write]*, 69-75. National Library Board.

Roper, G. (1994). *World survey of Islamic manuscripts*. (Vols. 3). Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.

Siti Hawa Salleh. (1992). *Sebutir pasir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Taylor, F. (1971-2). The Oriental manuscript collections in the John Rylands Library. *Bulletin of the John Rylands Library, 54*, 449-478.

Tuuk, H. N., van der. (1886). Kort verslag der Maleische HSS toebehorende aan de R.A.S. te Londen. *Bijdragen en Werken van het Koninklijk Instituut voor de Taal- Land en Volkenkunde in Nederlandsch Indie, 13,* 409-474.

Yusof A. Talib. (1993). Malay Islamic manuscripts: The arts of the book in the Malay archipelago. *Arts of Asia, 6,* 73-79.

Wan Ali Wan Mamat. (2016). Catalogue of Malay manuscripts: A preliminary survey. *Jurnal Filologi Melayu, 16,* 9-15.

Wan Ali Wan Mamat. (1993). *Katalog manuskrip Melayu di Singapura*. Perpustakaan Negara Malaysia.

Winarti Partanigrat (Ed.). (1978). *Report on the compilation of a masterlist of Southeast Asian microforms: A joint Sarbica and Consal Project.* Institute of Southeast Asian Studies.

Winstedt, R. O. (1920). Malay MSS in the libraries of London, Brussels and The Hague. *JSBRAS, 82*(9), 154-161.

Zainal Abidin Lebai Hassan. (2017, 11 Mei). *YM Tengku Besar Pahang, Tengku Sulaiman ibni Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah, kerabat diraja yang berjiwa agama.* Story of Pahang / Sejarah Islam Pahang. https ://sejarahislampahang.blogspot.com/2017/05/ym-tengku-besar-pahang-tengku-sulaiman.html

**Nota**

[1.] Perbandingan rapi bahan-bahan mikrofilem ini dengan bahan koleksi mikrofilem Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur masih belum dapat dilakukan. Kehadiran dua salinan manuskrip dengan salah satunya merupakan salinan mikrofilem di tempat yang berbeza memang biasa terjadi, tanpa diketahui bagaimana ia memiliki keterkaitan. Hal ini pernah disebutkan oleh Siti Hawa (1992: 75) mengenai suatu salinan syair yang disimpan oleh Persatuan Sejarah Negeri Kedah datang daripada salinan mikrofilem Perpustakaan Universiti Malaya.

[2.] Perpustakaan Kongres memiliki 10 buah manuskrip Bugis dan 14 buah manuskrip Melayu yang telah diperoleh dari Singapura oleh Charles Wilkes selama ekspedisinya pada tahun 1838-1842 (Chambert-Loir dan Oman, 1999: 86).

[3.] Sebahagian koleksi persendirian ini dapat dilihat lebih lanjut menerusi Yusof (1993: 73-79).

[4.] Perkembangan awal perpustakaan ini bersama bahan koleksinya dapat ditinjau dalam Lim (1970).

[5.] Lim (1970: 129) menyebutkan sejumlah bahan koleksi mikrofom yang penting mengenai sejarah dan kebudayaan alam Melayu, tetapi tidak kelihatan manuskrip Melayu. Dengan jumlah bahan -bahan lain yang lebih banyak dan utama, kehadiran beberapa manuskrip Melayu itu mungkin terpinggir.

[6.] Entri bahan sastera tradisional ini melibatkan 444 kad salinan bahan (Winarti, 1978: 5).

[7.] Tengku Sulaiman ibni almarhum Sultan Ahmad al-Muazzam Syah (1884-1962), dikatakan sebagai seorang kerabat istana Pahang yang sangat berminat dengan ilmu agama, lihat Zainal Abidin (2017).

[8.] Sepatutnya 'tuan' (t-w-n).

[9.] Salinan mikrofilem Ilmu Ubat Bedil merupakan antara salah satu contoh ini. Manuskrip tersebut turut memiliki hiasan iluminasi dan keseluruhan manuskrip ini terdapat banyak motif cengkih serta bunga lawang. Tidak dapat diketahui dengan jelas apakah warna sebenar motif dan iluminasi ini oleh sebab sehingga kini manuskrip asalnya belum lagi ditemukan.

[10.] Untuk koleksi manuskrip Raja Muda Penambang yang lain, lihat Farouk (2016: 247-251).

# Universiti Malaya's Academic Publications in Scopus-Indexed Journals Using MyRA 2022 Audit Data: A Bibliometric Study

Juhaida Abd Rahim[1], Zanaria Saupi Udin[2]
Universiti Malaya Library, Kuala Lumpur, Malaysia

[1]juhaida@um.edu.my, [2]xana@um.edu.my

## Abstract

Kajian ini merupakan sebuah tinjauan terhadap koleksi  Penyelidikan Perpustakaan Pengajian Melayu . Matlamat kajian ini adalah untuk mengetahui kekinian koleksi khususnya tesis kedoktoran (PhD) dan disertasi Sarjana (MA). Ia juga bertujuan untuk mengetahui kecenderungan subjek kedua-dua jenis bahan tersebut. Pendekatan yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini adalah menerusi semakan rekod dalam sistem katalog Perpustakaan Universiti Malaya iaitu Pendeta *Discovery* dan inventori fizikal. Dapatan kajian menunjukkan tempoh penyerahan tesis ini adalah dari tahun 1967 hingga 2022. Manakala bidang sastera Melayu merupakan kecenderungan subjek bagi koleksi ini. Meskipun Koleksi Penyelidikan kecil dari segi saiznya, namun ia telah membentuk keunikan koleksi Perpustakaan Pengajian Melayu.

**Kata Kunci:** Data; Koleksi Perpustakaan; Penyelidikan; Universiti Malaya

## *Abstract*

*This study is a review of the Malay Studies Library Research Collection. particularly the doctoral (PhD) theses and Master's (MA) dissertations. It aims to identify the currency of the collection and the subject trends of both types of materials. The approach used for data collection in this study is through record checks in the University of Malaya Library catalog system, namely Pendeta Discovery, and physical inventory. The study findings show that the submission period for this collection is from 1967 to 2022. Meanwhile, the field of Malay literature is the subject trend for this collection. Although the Research Collection is small in size, it has formed a unique part of the Malay Studies Library collection.*

***Keywords:*** *Data; Library collection assessment; Research; University of Malaya Library*

## Pengenalan

Perpustakaan Pengajian Melayu adalah perpustakaan khusus yang memenuhi keperluan dan sumber maklumat staf akademik, pelajar sarjana muda, pelajar pascasiswazah dan penyelidik Akademi Pengajian Melayu. Perpustakaan ini terletak di kompleks Akademi Pengajian Melayu (APM) dan telah ditubuhkan pada tahun 1959. Perpustakaan Pengajian Melayu (PPM) ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Perpustakaan Universiti Malaya sejak 13 Januari 2006.

Terdapat 3 objektif utama bagi Perpustakaan Pengajian Melayu (PPM):

1. Menyediakan sumber rujukan untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kepada pelajar, pensyarah dan penyelidik.
2. Membangunkan Koleksi dalam bidang Pengajian Melayu.
3. Memberikan pendidikan pengguna terhadap penggunaan sumber Perpustakaan.

PPM adalah salah satu daripada lapan (8) perpustakaan khusus dalam rangkaian Perpustakaan Universiti Malaya. Jumlah koleksi di perpustakaan adalah hampir 32,000 yang terdiri daripada koleksi terbuka, rujukan, penyelidikan, kertas kerja, kertas persidangan, koleksi khas, jurnal dan koleksi digital. Koleksi Penyelidikan merupakan koleksi penulisan penyelidikan pelajar Akademi Pengajian Melayu seperti Tesis Doktor Falsafah, Disertasi sarjana, Latihan Ilmiah dan Kertas Projek. Koleksi ini terhad untuk rujukan dalaman sahaja.

Koleksi di PPM memfokuskan kepada bidang Pengajian Melayu. Ini adalah selaras dengan keperluan maklumat Akademi Pengajian Melayu. Sehubungan itu pembangunan koleksi PPM adalah berdasarkan lima (5) bidang utama ini:

1. Sastera Melayu
2. Bahasa Melayu
3. Linguistik Melayu
4. Sosio-budaya Melayu
5. Kesenian Melayu

Terdapat 3 dewan utama di PPM. Koleksi Penyelidikan terletak di Dewan Koleksi C iaitu di lokasi yang sama dengan Ruang Penyelidikan yang dikhususkan untuk pelajar pascasiswazah dan akademik.

Bidang pengajian Melayu adalah tentang pengkajian budaya, adat resam, sejarah, agama, kesenian dan bahasa Melayu. Pengajian Melayu juga bertujuan untuk pemelihara, menghargai warisan budaya Melayu menerusi pendidikan dan pemahaman kepada pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu dan perkembangan sejarahnya.

## Objektif Kajian

- Untuk mengetahui kekinian Koleksi penyelidikan Perpustakaan Pengajian Melayu khususnya Tesis dan Disertasi.
- Untuk mengetahui kecenderungan subjek koleksi tersebut.

## Pernyataan Masalah

Koleksi penyelidikan terdiri daripada tesis kedoktoran (PhD) dan disertasi sarjana (MA), latihan ilmiah dan Kertas Projek yang dihasilkan oleh pelajar Akademi Pengajian Melayu. Sebanyak 234 buah tesis kedoktoran (PhD) dan 490 buah disertasi sarjana (MA) telah diterima dan menjadi sebahagian dari

koleksi Perpustakaan. Koleksi ini mempunyai pelbagai nilai ilmu pengetahuan yang berharga Meskipun begitu, aspek kekinian dan kecenderungan atau tren subjek koleksi ini belum pernah diselidiki. Kedua-dua maklumat ini penting untuk digunakan sebagai panduan untuk perancangan pembangunan koleksi di masa hadapan. Selain itu kajian ini merupakan salah satu cara untuk mendapatkan input bagi pengurusan koleksi perpustakaan kerana koleksi ini juga merupakan aset intelektual universiti.

## Kaedah Penyelidikan

Bagi mengumpulkan maklumat yang sahih dan relevan, kajian ini memerlukan kaedah dan peralatan bagi mengumpulkan sumber data untuk penyelidikan ini. Dalam kaedah penyelidikan ini menggunakan dua (2) kaedah iaitu pengumpulan maklumat bibliografi daripada penggunaan *Pendeta Discovery* (pendeta.um.edu.my) dan kaedah *Physical Inventory*. *Pendeta Discovery* ini merupakan katalog akses awam Perpustakaan Universiti Malaya yang membolehkan pengguna membuat carian secara digital kerana segala maklumat biliografik telah disimpan di dalam sistem ini. Pencarian boleh dilakukan di dalam Pendeta dengan hanya memasukkan subjek mahupun kata kunci yang relevan mengenai topik yang berkaitan untuk mendapatkan rekod carian. Selain itu, terdapat penggunaan kaedah semakan secara fizikal untuk mendapatkan maklumat koleksi penyelidikan tesis dan disertasi secara terperinci mengenai bahan tersebut untuk mengesahkan ketersediaan secara fizikal di Perpustakaan Pengajian Melayu.

## Perbincangan dan Dapatan

### Bahan Kajian Dalam Koleksi

Koleksi Penyelidikan merupakan penulisan penyelidikan pelajar yang disumbangkan oleh Akademi Pengajian Melayu dan individu kepada Perpustakaan Pengajian Melayu (PPM). Koleksi ini terdiri daripada 234 buah tesis dan 490 buah disertasi pelajar calon Doktor falsafah dan sarjana Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya dan fakulti dari universiti dalam dan luar negara.

### Objektif Bahan

Dasar objektif ini bertujuan memenuhi matlamat Perpustakaan Pengajian Melayu (PPM) untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada pendidikan dan penyelidikan serta membolehkan PPM berperanan sebagai gedung maklumat dan pusat rujukan untuk pengguna dalam Koleksi Khas Penyelidikan ini.

### Liputan Kandungan

Melalui penilaian ini, dapat dilihat secara terperinci bahawa Koleksi Penyelidikan Tesis Kedoktoran (PhD) dan Disertasi Sarjana (MA) ini terdiri daripada lima (5) liputan bidang atau subjek yang selaras dengan keperluan pelajar dan pengguna di Akademi Pengajian Melayu. Antara bidangnya adalah Sastera Melayu, Linguistik Melayu, Bahasa Melayu, Sosio-budaya Melayu dan Kesenian Melayu. Secara keseluruhannya, liputan bidang Sastera merupakan bidang yang memiliki jumlah terbesar daripada koleksi penyelidikan tesis kedoktoran (PhD) berjumlah 47.44% manakala koleksi penyelidikan

disertasi sarjana (MA) adalah berjumlah 41.63%.

**Pemerolehan Koleksi**

Perolehan sesuatu koleksi boleh terjadi dengan beberapa cara iaitu melalui sumbangan peribadi penyelidik sendiri atau institusi samada dari Akademi Pengajian Melayu sendiri atau universiti,lain. Koleksi yang disumbangkan adalah dalam bidang Pengajian Melayu atau yang berkaitan untuk penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana (MA). Maklumat bidang umum koleksi ini boleh diketahui dengan melihat kod subjek di helaian Title page setiap judul, iaitu kod JIC untuk bidang Sosio-Budaya Melayu, JIF untuk Kesenian Melayu. JID Linguistik Melayu dan Akhir sekali, kod subjek JIE bagi Kesusasteraan Melayu.

**Format Koleksi**

Format Koleksi Penyelidikan yang menjadi kajian utama kajian ini terdiri kepada 2 jenis format iaitu tesis kedoktoran (PhD) dan disertasi sarjana (MA). Dalam bidang Sastera sebanyak 111 naskhah dalam format tesis manakala 204 naskhah bagi disertasi. Kemudian, bidang Sosio-budaya 37 naskhah bagi tesis manakala 123 naskhah bagi disertasi. Seterusnya, bidang Kesenian Melayu 37 naskhah bagi tesis manakala subjek Bahasa Melayu sebanyak 82 naskhah bagi disertasi. Kemudian,subjek keempat agak berbeza jumlahnya dimana subjek Bahasa Melayu merupakan koleksi yang terbanyak berjumlah 34 naskhah bagi tesis manakala subjek Kesenian Melayu sebanyak 53 naskhah bagi disertasi. Akhir sekali, format subjek Linguistik Melayu merupakan format subjek kedua koleksi yang terbanyak iaitu 10 naskhah bagi tesis manakala 28 naskhah bagi disertasi.

**Tahun Penerbitan**

Koleksi Khas Penyelidikan ini amat penting bagi pengguna dimana penerbitan membolehkan hasil penyelidikan disebarkan secara meluas kepada semua pengguna Akademi Pengajian Melayu. Ia membolehkan penyelidik berkongsi penemuan, teori, metodologi dan penemuan baru mereka dengan orang lain yang boleh menggunakannya untuk menjalankan penyelidikan pada masa akan datang atau menerapkannya dalam bidang tertentu. Antara koleksi penyelidikan bagi tesis diterbitkan dari tahun 1967 sehingga 2022 manakala bagi disertasi bermula 1961 sehingga 2022.

Jadual 1. Contoh 10 judul tesis yang terdapat di dalam Koleksi Penyelidikan

| No. | Tajuk | Pengarang | Penerbit | Tahun | Deskripsi | Bahasa | No. Panggilan | Subjek |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Warkah-warkah Melayu lama sebagai suatu genre | Ab. Razak bin Ab. Karim | UMPM | 1998 | Kajian menganalisa warkah-warkah melayu lama sama ada warkah sosial ataupun warkah perjanjian sebagai suatu genre yang tersendiri. | Melayu | PL5083.2 Abrak | Sastera |
| 2. | Kajian intertekstualiti dalam novel-novel Siti Zainon Ismail | Norhayati binti Md Yatim | UMPM | 2018 | Kajian dalam mengenal pasti sumber daripada intertekstualiti dalam novel-novel siti zainon ismail. | Melayu | PL5065 UMP 2018 Normy | Sastera |
| 3. | *Family-based popular health culture in a Malay village in Kelantan, Peninsular Malaysia* | Hashim bin Awang | *University of Hawaii, USA* | 1990 | *A study of the family-based health care system the impact of illness on the family in a kelantan malay lage in peninsular malaysia.* | Inggeris | GN477.2 Hasa | Sosio–Budaya Melayu |
| 4. | Institusi Bale Gambang-Baruk: dulu dan sekarang. Etnografi perubahan sebuah institusi utama masyarakat Bidayuh, Sarawak | Chali Anak Ungang @ Charlie Ungang | UMPM | 2022 | Kajian mengenai institusi bale gambang-baruk: dulu dan sekarang. Etnografi perubahan sebuah institusi utama masyarakat bidayuh, sarawak. | Melayu | PL5065 UMP 2022 Chaau | Sosio–Budaya Melayu |

| No. | Tajuk | Pengarang | Penerbit | Tahun | Deskripsi | Bahasa | No. Panggilan | Subjek |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5. | Kata adjektif bahasa Melayu: analisis makna dari aspek frasalogi dan leksikologi. | Salinah binti Ja'afar | UMPM | 2007 | Untuk mengenal pasti pendekatan kajian leksis dengan tertumpu kata adjektif bahasa melayu. | Melayu | PL5065 UMP 2007 Salj | Bahasa Melayu |
| **6.** | Kata panggilan dalam komuniti bahasa Melayu Sambas di Kalimantan Barat : sistem dan konteks | Endang Susilawat | UMPM | 2016 | Kajian mengenai Penterjemahan tajuk utama iklan dalam katalog bercetak. | Melayu | PL5065 UMP 2016 Anisas | Bahasa Melayu |
| **7.** | The McDonaldization of language-in-education policy of Malaysia : a case of English for the teaching of mathematics and science or (ETeMS) | Mohd Rashid bin Mohd Saad | UMPM | 2006 | This study concerns the newly introduced language-in-education policy in Malaysia or English for the Teaching of Mathematics and Science (ETeMS). | Inggeris | PL5065 UMP 2006 Mohrms | Linguistik |
| **8.** | Foreigner talk in urban Malaysia | Paul Gracie | *University of Hawaii, USA* | 1994 | To present an analysis of linguistics item used in Malaysian Foreigner Talk | Inggeris | PL5065 1994 Gra | Linguistik |

| No. | Tajuk | Pengarang | Penerbit | Tahun | Deskripsi | Bahasa | No. Panggilan | Subjek |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **9** | Seni persembahan Melayu : satu kajian terhadap organisasi keusahawanan seni | Farok bin Zakaria | UMPM | 2002 | Untuk mengkaji dan membandingkan kaedah pengurusan dalam kategori persembahan dari sudut keusahawanan, peranan dan sokongan kementerian kebudayaan keseniaan dan pelancongan. | Melayu | NX820 M4Farz | Seni Melayu |
| **10** | Lawi ayam : aesthetic experience and design-user system assesment of a Malay weapon artefact. | Siti Mastura binti Md Ishak | UMPM | 2016 | To study on the aesthetic experience and design-user system assessment of a Malay weapon artefact. | Inggeris | PL5065 UMP 2017 Sitmmi | Seni Melayu |

Jadual 2. Contoh 10 judul Disertasi yang terdapat di dalam Koleksi Penyelidikan

| No. | Tajuk | Pengarang | Penerbit | Tahun | Deskripsi | Bahasa | No. Panggilan | Subjek |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Percikan panji di dalam beberapa teks sastera Melayu klasik. | Noor Faridah bt. Berahim | UMPM | 1995 | Kajian Tentang Percikan Panji Di Dalam Beberapa Teks Sastera Melayu Klasik | Melayu | PL5110.2 Noofb | Sastera |
| 2. | Nafsu dalam novel-novel terpilih Fatimah Syarha. | Noor Farhah Rosly | UMPM | 2021 | Kajian Menganalisis Nafsu Dalam Novel-Novel Terpilih Fatimah Syarha. | Melayu | PL5065 UM 2021 NOOFR | Sastera |
| 3. | Identiti masyarakat Mandaling di Kampung Batu Empat, Slim River, Perak | Azlinda binti Adnan | UMPM | 2009 | Kajian Meneliti Identiti Masyarakat Mandaling Di Kampung Batu Empat, Slim River, Perak. | Melayu | PL5065 UM 2009 AZLA | Sosio-Budaya |
| 4. | Kajian simbolisme dalam perhiasan pending koleksi Jabatan Muzium Malaysia. | Hayati Mohamad Zawawi | UMPM | 2022 | Kajian Meneliti Simbolisme Dalam Perhiasan Pending Koleksi Jabatan Muzium Malaysia. | Melayu | PL5065 UM 2022 HAYMZ | Sosio-Budaya |
| 5. | Ciri-ciri sintaksis dan semantik kata sendi nama Bahasa Melayu: analisis berdasarkan teori kuasaan dan tambatan. | Rosli Ab. Rahman | UMPM | 2004 | Kajian Dalam Menghuraikan Ciri-Ciri Sintaksis Dan Semantik Kata Sendi Nama Bahasa Melayu. | Melayu | PL5065 UM 2004 Ros | Bahasa Melayu |
| 6. | Analisis frasa keterangan bahasa Melayu dalam majalah Pelita Bahasa. | Siti Zubaidah binti Kadir | UMPM | 2016 | Kajian Menganalisis Frasa Keterangan Bahasa Melayu Dalam Majalah Pelita Bahasa | Melayu | PL5065 UM 2016 SITZK | Bahasa Melayu |
| 7. | Kajian sosiolinguistik bahasa iklan cetak dengan tumpuan kepada aspek retorik. | Chuah Ju Nah | UMPM | 1998 | Kajian menganalisis sosiolinguistik bahasa iklan cetak dengan tumpuan kepada aspek retorik | Melayu | PL5083 Chu | Linguistik |

| No. | Tajuk | Pengarang | Penerbit | Tahun | Deskripsi | Bahasa | No. Panggilan | Subjek |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8. | Laras bahasa sains dan laras bahasa sains sosial: analisis perbandingan. | Azlina binti Ahmad | UMPM | 2014 | Kajian tentang Laras bahasa sains dan laras bahasa sains sosial : analisis perbandingan. | Melayu | PL5065 UM 2014 AZLA | Linguistik |
| 9. | Nyanyian Melayu asli: kajian seni kata pantun dan teknik nyanyian. | Shafa'atus sara binti Silahudin | UMPM | 2011 | Kajian meneliti seni kata pantun dan teknik nyanyian dalam Nyanyian Melayu asli. | Melayu | PL5065 UM 2011 SHAS | Seni Melayu |
| 10. | Analisis bentuk tari joget gamelan. | Norsafini binti Jafar | UMPM | 2016 | Kajian menganalisis bentuk tari joget gamelan. | Melayu | PL5065 UM 2016 NORJ | Seni Melayu |

**Bahasa**

Sebahagian besar koleksi khas penyelidikan ditulis dalam Bahasa Melayu. Namun terdapat juga penggunaan bahasa lain seperti Inggeris, Indonesia dan Thai.

**Penggunaan Koleksi**

Koleksi Penyelidikan seperti tesis kedoktoran (PhD) dan disertasi sarjana (MA) ini berada di rak NO-08A, NO-08B, NO-09A dan NO-09B di dalam Dewan C, Perpustakan Pengajian Melayu iaitu di kawasan koleksi rujukan dalaman. Oleh itu koleksi khas penyelidikan tesis kedoktoran (PhD) dan disertasi sarjana (MA) ini hanya terhad untuk penggunaan di dalam Perpustakaan Pengajian Melayu sahaja. Ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada pengguna untuk mengakses koleksi ini tetapi mengurangkan risiko kehilangan. Sebarang pinjaman luar tidak dibenarkan. Sekiranya pengguna ingin melakukan pinjaman bagi koleksi ini, pengguna harus merujuk kepada pembantu pustakawan yang bertugas di kaunter.

**Tahun Penyerahan**

Koleksi Khas Penyelidikan ini amat penting bagi pengguna di mana penulisan ini membolehkan hasil penyelidikan dirujuk oleh semua pengguna perpustakaan. Ia membolehkan penyelidik berkongsi teori, metodologi dan penemuan untuk rujukan penyelidikan pada masa akan datang dalam bidang

tertentu. Namun secara umumnya penulisan pelajar seperti tesis dan disertasi tidak diterbitkan oleh universiti tetapi diserahkan kepada pihak universiti sebagai syarat pengijazahan. Oleh yang demikian, dari segi tahun, koleksi tesis diserahkan antara tahun 1967 sehingga 2022 manakala disertasi antara tahun 1961 sehingga 2022. Meskipun sebahagian besar koleksi ini adalah dihasilkan pelajar Akademi Pengajian Melayu, terdapat juga judul yang bukan penulisan pelajar APM tetapi karya pelajar dari Universiti tempatan lain dan luar negara.

**Subjek Koleksi**

Melalui penilaian ini, terdapat lima (5) subjek yang berbeza daripada penilaian Koleksi Khas Penyelidikan Tesis Kedoktoran (PhD) dan Disertasi Sarjana (MA). Antara subjek yang terlibat adalah Sastera Melayu, Linguistik Melayu, Bahasa Melayu, Sosio-budaya Melayu dan Kesenian Melayu. Daripada penilaian ini dapat melihat purata maklumat secara terperinci beserta peratusan. Misalnya subjek Sastera memiliki purata yang terbesar berbanding subjek yang lain. Iaitu 47.44% bagi tesis manakala disertasi adalah berjumlah 41.63%.

**Hasil Dapatan**

Daripada kajian ini didapati bahawa:

1. koleksi terkini bagi tesis dan disertasi dalam KoleksiPenyelidikan adalah sehingga tahun 2022.
2. Kecenderungan atau tren subjek bagi koleksi ini adalah dalam bidang Sastera Melayu.

## Cadangan

Sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan koleksi Penyelidikan, berikut disediakan beberapa cadangan:

1. Mengadakan program bicara minda di Perpustakaan Pengajian Melayu berkaitan Koleksi Penyelidikan iaitu tesis dan disertasi terpilih.
2. Menjalankan kaji selidik dan penilaian untuk mengenal pasti keperluan dan kepentingan dan populariti koleksi ini kepada pengguna perpustakaan.
3. Meningkatkan kemahiran promosi dan literasi maklumat iaitu dengan berkomunikasi secara aktif mengenai koleksi melalui media sosial seperti Facebook, Twitter, sistem pesanan ringkas dan lain-lain bagi mendidik pengguna mengenai sumber yang terdapat di perpustakaan.
4. Menyebarkan brosur, poster dan hasil dapatan penyelidikan kepada umum.
5. Mengemaskini laman sesawang Perpustakaan Pengajian Melayu dengan penambahan senarai Koleksi Penyelidikan Tesis dan Disertasi.

## Penutup

Koleksi Khas Penyelidikan ini memainkan peranan penting dalam menyediakan akses kepada pengguna, di mana penulisan ini membolehkan hasil penyelidikan disebarkan secara meluas kepada seluruh komuniti Akademi Pengajian Melayu. Koleksi ini membolehkan penyelidik berkongsi

penemuan teori, metodologi, serta hasil kajian baharu mereka dengan pihak lain yang dapat memanfaatkannya untuk penyelidikan masa depan atau aplikasi dalam bidang tertentu. Secara khusus, koleksi penyelidikan bagi tesis meliputi penerbitan dari tahun 1967 hingga 2022, manakala koleksi disertasi bermula dari tahun 1961 hingga 2022.

## Rujukan

Awang Azman Awang Pawi & Haslan Tamjehi. (2020). The Malay Studies Library, University of Malaya, Kuala Lumpur. *ResearchGate.* *https://www.researchgate.net/publication/348659171_The_Malay_Studies_Library_University_of_Malaya_Kuala_Lumpur?enrichId=rgreq-c8e4391a86cc4ebdcaf55ae30990393e-XXX&enrichSource=Y292ZXJQYWdlOzM0ODY1OTE3MTtBUzo5ODI0MzczNzkxOTQ4ODJAMTYxMTI0MjczMjA3OQ%3D%3D&el=1_x_2&_esc=publicationCoverPdf*

Wahab, K. A., Ma'alip, S., Yusof, M., & Harun, K. (2016). Kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu: Persepsi dan Harapan Mahasiwa. *ResearchGate.* *https://www.researchgate.net/publication/311727727_Kebitaraan_Program_Pengajian_Bahasa_Melayu_Persepsi_dan_Harapan_Mahasiwa*

# Analisis Koleksi Khas Rahmah Bujang di Perpustakaan Pengajian Melayu

Nurul Asyikin Syamsul Kamal[1], Haslan Tamjehi[2]
[1]Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor, Malaysia

[2]Perpustakaan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

asyikin.n2203@gmail.com[1], haslan@um.edu.my[2]

## Abstrak

Kajian ini merupakan tinjauan terhadap Koleksi Khas Profesor Emeritus Datin Dr Rahmah binti Bujang di Perpustakaan Pengajian Melayu (PPM). Kajian ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan mengenai koleksi tersebut dengan menganalisis teknik pemerolehan, maklumat bibliografi, serta tren subjek dalam koleksi tersebut. Kaedah pengumpulan data merangkumi inventori fizikal dan sistem pengurusan perpustakaan yang sedia ada. Walaupun hanya merangkumi sebahagian kecil daripada pegangan perpustakaan, koleksi ini mempunyai kepentingan serta keistimewaan tersendiri.

**Kata Kunci:** Koleksi Perpustakaan; Teater; Kesenian Melayu; Universiti Malaya

## Abstract

*This study is an overview of the special collection of Professor Emeritus Datin Dr Rahmah Binti Bujang at the Malay Studies Library (PPM). This study aims to offer comprehension of the collection by analyzing the acquisition techniques, bibliographic information, and subject trend in the collection. Data collection methods include physical inventories and available library management systems., this unique collection has its special significance for the Malay Studies Library*

**Keywords***: Library Collection; Theater; Malay Art; Universiti Malaya*

## Pengenalan

Profesor Emeritus Datin Dr Rahmah binti Bujang merupakan seorang mantan pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau lahir pada tanggal 18 Mac 1947 di Pontian, Johor dan menetap di Petaling Jaya, Selangor. Beliau telah bekerja sebagai guru, pensyarah, penulis naskhah, dan penyelidik drama. Beliau juga terkenal kerana hasil kerja kreatifnya dalam bidang teater dan drama. Beliau menerima pendidikan awal di sebuah sekolah Inggeris di Pontian iaitu *Government English School* (kini SMK Sri Perhentian, Pontian) kemudian meneruskan pengajian *English College*, Johor Bahru (kini Maktab Sultan Abu Bakar). Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera, Universiti Malaya. Beliau mula mengenali bidang drama pada tahun 1969, dan kemudian mendalami bidang filem aristokratik pada tahun 1973 semasa bertugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya. Pada tahun 1978, beliau menerima ijazah doktor falsafah dengan

penekanan khusus kepada seni Boria dari *University of Hull*, England. Beliau kembali berkhidmat sebagai pensyarah dan meneruskan kerjaya akademiknya sehingga tahun 2014, menjawat jawatan sebagai Profesor di Universiti Malaya.

Selepas bersara, beliau bertugas sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Institut Teknologi Seni Melaka. Pada tahun 1998, beliau dianugerahkan Darjah Seri Melaka. Beliau juga adalah ahli panel pakar "Projek Pengumpulan Istilah Kesusasteraan" di Majlis Bahasa Brunei Darussalam Indonesia Malaysia (MABBIM), panel penilai Hadiah Sastera Malaysia (1978–1986), dan panel pakar projek ensiklopedia di Dewan Bahasa & Pustaka (DBP). Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan juga telah melantik beliau sebagai penasihat, penilai, pengerusi dan pembicara program teater.

## Objektif Kajian

1. Menentukan kebolehpercayaan bahan Rahmah Bujang dari pelbagai aspek.
2. Menentukan kekinian bahan yang diperolehi.
3. Mengkaji tren subjek dalam koleksi.

## Pernyataan Masalah

Koleksi sumbangan daripada Profesor Emeritus Datin Dr Rahmah di Perpustakaan Pengajian Melayu (PPM) adalah berjumlah sebanyak 308 judul. Koleksi ini memberikan pengguna pengetahuan yang unik, terutamanya dalam bidang teater, yang merupakan subjek kajian ini. Namun begitu, koleksi ini masih belum dikaji dan tidak pernah diberi perhatian yang khusus. Bahkan, kecenderungan dan pemfokusan bahan dalam koleksi ini juga tidak diketahui. Oleh sebab itu, kajian perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat menyeluruh terhadap tren bidang dalam koleksi ini. Hasil dapatan dari kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan dalam usaha pembangunan koleksi yang akan datang dan akan digunakan untuk perancangan masa hadapan bagi membantu Perpustakaan dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada koleksi ini dan mencapai objektif pengurusan koleksi Perpustakaan.

## Kaedah Penyelidikan

Untuk mengumpulkan maklumat yang tepat, penyelidikan ini memerlukan pendekatan dan peralatan yang sesuai untuk menghimpun data yang relevan bagi kajian ini. Terdapat dua (2) pendekatan yang digunakan untuk pengumpulan maklumat iaitu pengumpulan maklumat bibliografi daripada penggunaan *Pendeta Discovery* (pendeta.um.edu.my) iaitu sistem katalog akses umum Perpustakaan Universiti Malaya dan kaedah inventori fizikal.

Penggunaan Pendeta Discovery, membolehkan penyelidik membuat pencarian menggunakan kata kunci yang bersesuaian untuk mendapatkan maklumat tentang judul dalam koleksi khas. Seterusnya inventori fizikal di rak buku dilakukan untuk mendapatkan kepastian tentang kewujudan judul secara fizikal dalam koleksi tersebut di PPM.

## Perbincangan dan Dapatan

### Bahan Kajian Dalam Koleksi

Profesor Emeritus Datin Dr Rahmah telah menyumbangkan sebanyak 308 buah untuk dijadikan koleksi khas. Koleksi tersebut meliputi pelbagai format dan bahasa. Antara contoh bahan adalah, buku, kertas persidangan, majalah, jurnal, dan biografi.

### Objektiviti Bahan

Dari aspek ini, kebanyakan judul yang terdapat dalam koleksi ini dinilai sejajar dengan bidang beliau iaitu seni teater. Meskipun begitu terdapat juga beberapa judul yang berlainan bidang namun jumlahnya adalah amat kecil. Oleh yang demikian dari segi objektiviti koleksi ini umumnya adalah menepati bidang. Pengguna mempunyai pilihan judul yang pelbagai dalam bidang seni teater.

### Kebolehpercayaan Koleksi

Koleksi khas ini adalah sebahagian dari koleksi peribadi seorang intelektual Melayu yang berpengaruh dalam bidang seni teater. Bahan sumbangan beliau mempunyai nilai penting dari sudut akademik. koleksi ini serba sedikit mencerminkan pemikiran beliau kerana apa yang dibaca oleh seseorang itu adalah bahan yang telah dipilihnya untuk dijadikan input bagi mengembangkan idea dan fikirannya. Oleh yang demikian, jumlah judul yang agak banyak dalam bidang seni teater jelas menunjukkan fokus subjek pembacaan Profesor Emeritus Dr Datin Rahmah. Selain karya orang lain terdapat juga juga beberapa judul yang merupakan tulisan beliau sendiri.

### Autoriti

Daripada kajian ini , bahan-bahan koleksi khas ini mempunyai tahap autoriti kerana yang baik. Ini boleh dilihat dari penerbit yang menerbitkan buku -buku dalan koleksi ini, sebagai contoh, Universiti Malaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, *University of Kent*, Dewan Kesenian Jakarta, Balai Seni Negara dan sebagainya. Oleh itu, koleksi khas ini boleh dikatakan mempunyai autoriti dan kreadibiliti untuk dirujuk oleh para pelajar dan pengguna Perpustakaan.

### Liputan Kandungan

Melalui penyelidikan, dapat dilihat bahawa di dalam koleksi khas ini terdapat 6 jenis liputan kandungan iaitu dalam bidang Bahasa Melayu, Linguistik, Kesenian Melayu, Sastera, Kebudayaan Melayu dan Seni Teater. Liputan kandungan ini dilihat dapat memberi pelbagai maklumat kepada pengguna. Selain itu terdapat juga kandungan dalam bidang lain seperti Sejarah, Undang-undang, Kesenian Islam, Perubatan, Kejuruteraan dan sebagainya. Secara keseluruhannya, dalam koleksi ini, bidang Seni Teater adalah mempunyai jumlah penulisan terbanyak iaitu sebanyak 70 buah (22.7%).

**Pemerolehan Koleksi**

Pembangunan koleksi adalah penting bagi sebuah perpustakaan. Oleh itu, pemerolehan koleksi hendaklah dilakukan secara konsisten. Terdapat pelbagai cara perolehan koleksi iaitu secara pembelian, sumbangan dan hadiah. Koleksi khas ini diperolehi menerusi kaedah sumbangan dari Professor Emeritus Datin Dr Rahmah.

Koleksi Khas ini terletak di dalam Peti Besi 1, PPM (PPM PB1). Para pengguna boleh mendapatkan bahan-bahan koleksi yang berjumlah 308 buah ini di Dewan C, PPM.

Jadual 1. Antara contoh bahan yang terdapat dalam koleksi Rahmah Bujang

| No. | Tajuk | Pengarang | Penerbit | Negara Penerbitan | Tahun | Jenis | Deskripsi | Bahasa | No. Panggilan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Bupala | Rahman Haji Yusof | Indah Bestari Publisher | Malaysia | 2004 | Buku | Seorang lelaki yang kematian isteri yang sangat dicintainya sehingga seluruh jiwa raga jejaka itu tidak berfungsi lagi kerana tidak mampu menerima kenyataan yang menjengah. | Bahasa Melayu | PL5136 Rahhy.B 2004 |
| 2. | Dari dewan beta | Abdul Waled Semail | Pustaka Dewan Puisi | Malaysia | 2000 | Buku | Mengumpulkan 26 buah puisi yang pernah tersiar di pelbagai halaman puisi akhbar dan majalah pilihan. | Bahasa Melayu -Bahasa Inggeris | PL5136.2 Abdws.D b2000 |
| 3. | Sajak kebun lada | Abdul Waled Semail | Penerbit Karyawan | Malaysia | 1990 | Buku | Merupakan satu siri karya sastera kreatif lama dan baru, serta juga karya yang berupa hasil kajian, penyelidikan, penilaian dan kritikan sastera | Bahasa Melayu | PL5136.2 Abdws.SA |
| 4. | Betapa pun begitu, pada hari berkah ini cinta masih tersisa : puisi pilihan | Djamal Tukimin | Toko Buku Haji Hashim | Singapura | 2003 | Buku | Mengandungi puisi-puisi di dalam ruangan sastera/ seni yang disediakan dan gambar-gambar untuk menjadi kenangan. | Bahasa Melayu | PL5136.2 Djat.Be 2003 |
| 5. | Suara hati kenyalang | Othman Yatim | Universiti Kebangsaan Malaysia | Malaysia | 1998 | Buku | Merupakan antologi puisi pertama secara solo bagi penulis Othman Yatim. | Bahasa Melayu | PL5136.2 Othy.S 1998 |

| No. | Tajuk | Pengarang | Penerbit | Negara Penerbitan | Tahun | Jenis | Deskripsi | Bahasa | No. Panggilan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6. | Pesanan dari gunung Ledang = a message from Mount Ledang | Zurinah Hassan | Dewan Bahasa dan Pustaka | Malaysia | 2004 | Buku | Melalui sejumlah karya, Zurinah Hassan secara metaforikal dan simbolik, menyatakan bahawa kekuatan yang ada dalam diri perlu disedarkan. | Bahasa Melayu -Bahasa Inggeris | PL5136.2 Zurh.P |
| 7. | Arafah | Atondra | Dewan Bahasa dan Pustaka | Malaysia | 1985 | Buku | Atondra memaparkan berbagai persoalan yang berkisar di sekitar kehidupan sehari-hari dalam melayari bahtera hidup. | Bahasa Melayu | PL5136.3 Ato.Ar |
| 8. | Munsyi : drama sejarah sempena 200 tahun kelahiran Munsyi Abdullah bin Sheikh Abdul Kadir (1796-1854) | Hadijah Rahmat | Teater Kami | Singapura | 1998 | Buku | Hadijah Rahmat's drama Munsyi is a meticulously researched and historically accurate potrayal of the life of one of the most famous malay writers, Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. | Bahasa Melayu -Bahasa Inggeris | PL5136.3 Hadr.M 1998 |
| 9. | Pasir-pasir di Pasir Salak | Mana Sikana | Pustaka Karya | Malaysia | 2011 | Buku | Mengandungi lima buah drama. | Bahasa Melayu | PL5136.3 Mans.P |
| 10. | Tok Awang | Mana Sikana | Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia | Malaysia | 1984 | Buku | Menghimpunkan semua bentuk drama: drama pentas, radio dan televisyen. | Bahasa Melayu | PL5136.3 Mans.T |

**Format Koleksi**

Koleksi Khas ini mengandungi pelbagai format. Terdapat 269 buah buku, 20 buah jurnal, 11 buah buku rujukan, 7 kertas persidangan dan 1 naskhah majalah.

**Tahun Penerbitan**

Tahun penerbitan bahan adalah di antara tahun 1970-an hingga tahun 2000-an.

**Bahasa**

Secara umumnya, bahan dalam koleksi ini terdiri dari pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa

Inggeris, Bahasa Indonesia, Jawi, Bahasa Arab, Bahasa Rusia, dan Bahasa Sepanyol.

**Penggunaan Koleksi**

Koleksi Khas ini terletak di almari khas PB 1. Bahan-bahan dalam koleksi ini hanya untuk rujukan dalaman sahaja. Pinjaman keluar adalah tidak dibenarkan. Pengguna hendaklah merujuk staf di Kaunter Perkhidmatan untuk mendapatkan bahan.

**Koleksi Seni Teater**

Koleksi Khas ini kebanyakannya terdiri daripada karya dalam bidang seni teater. Daripada 308 bahan, 141 daripadanya ditulis oleh pengarang dari Malaysia. Selain itu, sebahagian daripada bahan tersebut adalah tulisan beliau sendiri. Lebih separuh iaitu 69 daripada 73 rekod koleksi seni teater terdiri daripada buku, manakala selebihnya terdiri daripada jurnal.

**Tren Subjek Koleksi**

Dari penilaian yang dilakukan, judul dalam bidang kesenian adalah yang terbanyak. Sebagai contoh, subjek Seni Teater memiliki purata yang paling tinggi di antara subjek yang lain. Koleksi subjek Seni Teater adalah sebanyak 22.7%, bersamaan dengan 70 buah buku. Meskipun begitu, terdapat juga subjek lain dalam koleksi ini seperti kejuruteraan, pendidikan, undang-undang, ketamadunan dan sebagainya.

**Dapatan Kajian**

1. Koleksi Khas Profesor Emeritus Datin Dr Rahmah mempunyai authoriti yang baik kerana diterbitkan oleh penerbit yang berkredibiliti dan terkenal dalam dunia penerbitan buku ilmiah.
2. Bahan dalam koleksi ini diterbitkan antara tahun 1970 hingga 2000.
3. Bidang Seni Teater adalah tren dalam subjek bahan -bahan dalam koleksi ini.

**Cadangan**

Sebagai galakan untuk meningkatkan penggunaan koleksi khas ini, berikut diusulkan beberapa cadangan:

1. Menganjurkan program perbualan intelektual di PPM yang berkaitan dengan Koleksi Khas Rahmah Bujang.
2. Melaksanakan promosi melalui platform media sosial seperti Facebook, Twitter, TikTok, dan lain-lain untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat umum.
3. Menyediakan bahan promosi seperti brosur, poster, dan maklumat mengenai Koleksi Khas Rahmah Bujang untuk diedarkan kepada umum.
4. Memperbaharui laman web Perpustakaan Pengajian Melayu dengan menambah Koleksi Khas Rahmah Bujang.

5. Menyusun senarai digital bagi Koleksi Khas Rahmah Bujang untuk memudahkan pengguna dalam menyemak judul-judul koleksi tersebut.

## Penutup

Koleksi Khas Rahmah Bujang perlu didedahkan kepada para pengguna supaya mereka sedar tentang kewujudannya. Hal ini kerana, bahan dalam koleksi khas ini dapat menyediakan maklumat yang bermanfaat kepada para pengguna khususnya dalam bidang Seni Teater. Selain itu, bahan dalam Koleksi Khas Rahmah Bujang boleh dipercayai dan releven kerana beliau merupakan seorang mantan pensyarah di Akademi Pengajian Melayu dan merupakan pakar bidang. Tambahan pula, penerbitan yang terdapat dalam Koleksi ini diterbitkan oleh penerbit yang mempunyai reputasi yang baik dan terkenal. Oleh sebab itu, kebolehpercayaan dan kredibiliti Koleksi Khas Rahmah Bujang tidak diragui. Oleh yang demikian aspek ini perlu juga diambil kira sebagai kelebihan dan keunikan Koleksi. Kajian ini dianggap sebagai penelitian awal terhadap koleksi Khas Rahmah Bujang dengan fokus utama pada aspek bibliografi menerusi penyediaan informasi lengkap tentang koleksi. Penelitian lebih lanjut perlu dilakukan untuk menilai sejauh mana koleksi ini dapat memenuhi keperluan penyelidik yang mengkaji bidang Seni Teater.

## Rujukan

Dasar Koleksi Khas Perpustakaan Negara Malaysia.(2012, June 26).Perpustakaan Negara Malaysia. https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DasarKoleksiKhasPNM.pdf

Dasar Pembangunan Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. (2020, November 19). Perpustakaan Negara Malaysia. https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/DasarPembangunanKoleksiPNM.pdf

Perginya permata pejuang seni : Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Bujang. (2021, June 11). University of Malaya Library Blog. https://blogumlib.com/2021/06/11/perginya-permata-pejuang-seni-profesor-emeritus-datin-dr-rahmah-bujang/

Rahmah Bujang | Research profile. (n.d.). ResearchGate. https://www.researchgate.net/profile/Rahmah-Bujang

Research gate net. (2020). Turkish related collection in the University of Malaya Library. https://www.researchgate.netpublication/341506775_Turkish_related_collection_in_the_University_of_Malaya_Library

Universiti Malaya Library. (n.d.). Professor Emeritus Datin Dr. Rahmah Bt Bujang. https://umlib.um.edu.my/profesor-emeritus-Datin-dr-rahmah-bt-bujang

University of Malaya Library. (2021, June 11). Oral History Series: Prof Emeritus Datin Dr Rahmah BT Bujang - Family Matters (Part 2) [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=TO-sUI8L0Yo

***Intelektual masyarakat membangun oleh Syed Hussein Alatas.*** **2023. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ulasan oleh Nurul Izzati Abdul Majid.**




Intelektual Masyarakat Membangun adalah buku bukan fiksyen yang mengupas peranan intelektual dalam pembangunan masyarakat. Ditulis oleh Syed Hussein Alatas, seorang ahli sosiologi terkemuka Malaysia, buku ini menyelidiki hubungan antara pengetahuan akademik dan aplikasi praktikal dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi, khususnya di Asia Tenggara. Buku ini bertujuan untuk menerangkan bagaimana intelektual boleh bertindak sebagai pemangkin pembangunan. Penulis menekankan bahawa intelektual perlu lebih daripada sekadar terlibat dalam penyelidikan akademik; mereka harus mengaplikasikan pengetahuan mereka untuk menangani isu-isu sosial dan ekonomi secara langsung. Tema utama adalah mengenai intelektual sebagai agen perubahan, di mana mereka harus mencadangkan penyelesaian yang praktikal untuk masalah masyarakat. Penulis memfokuskan kepada golongan intelektual secara umum. Buku ini membentangkan argumentasi dan analisis sistematik mengenai cabaran dan tanggungjawab intelektual dalam konteks pembangunan. Terdapat dua istilah menarik dari buku ini. Pertama, penghuraian istilah 'bebalisme'. Penulis mendakwa bahawa bebalisme ini bukan sahaja memberi kesan kepada ahli kelas bawahan yang berpendidikan tetapi juga golongan profesional, ahli akademik, dan mereka yang memegang jawatan. Adalah mustahil untuk mengkategorikan minda ini kepada satu kumpulan dan bukan kumpulan lain. Kedua, istilah 'pandir' yang juga menarik dibincangkan oleh penulis. Antara perkara yang penulis bincangkan ialah jutaan ringgit yang dibazirkan kerajaan kerana kecerdasan kakitangan pandir ini semasa membuat anggaran, perancangan, penyelidikan, dan lain-lain. Akibatnya, ini menghalang keupayaan sesebuah negara untuk berkembang secepat mungkin. Kekuatan buku ini terletak pada analisis mendalam mengenai peranan intelektual dan aplikasi praktikal pengetahuan. Namun, kelemahannya adalah kekurangan contoh konkrit dari pelbagai konteks yang boleh membatasi pemahaman tentang aplikasi teori dalam

situasi yang berbeza. Kesimpulannya, Intelektual Masyarakat Membangun adalah karya penting untuk memahami peranan intelektual dalam pembangunan masyarakat. Buku ini relevan untuk mereka yang ingin melihat bagaimana intelektual boleh menjadi agen perubahan.

# KEKAL ABADI
# GUIDELINES FOR CONTRIBUTORS

*Kekal Abadi* invites contributions from librarians, information scientists, information managers, educators, administrators, publishers and other interested persons from all over the world.

## Types of Contributions

The journal publishes original articles on all aspects of library and information science. In addition, Book Reviews, New Products and Services, Conference Reports, Awards and News are also welcome.

## Format

Manuscripts should preferably be 1,500-3,500 words in length. Authors may submit their article as an attached file with email. The font type required is Calibri, 11pt.

The first page of the manuscript should contain the title of the article followed by name(s) and affiliation of author(s), complete address, including telephone and fax numbers, and e-mail address. An abstract of about 100-200 words ( If the article is in BM, an abstract in English is needed). Submit only one copy of the manuscript.

## Tables, Figures and Illustrations

Tables, figures and illustrations with captions should be position within the text.

## Style

The citation styling of the manuscript should follow the Publication Manual of the American Psychological Association (2009), 6th ed. (New York: American Psychological Association). References should be cited in the text using the 'name and date' style, e.g. "Roger (2001) said that ..." or "research shows that ... (Roger,2001)".

References at the end of the article should be listed in alphabetical order. The following are examples of the recommended reference style:

Archambault, E., Campbell, D., Gingras, Y., & Lariviere, V. (2009). Comparing bibliometric statistics obtained from the Web of Science and Scopus. *Journal of the American Society for Information Science and Technology, 60*(7), 1320-1326.

Chu, C. M. (2009). Working from within: Critical service learning as core learning in the MLIS curriculum. In L. Roy, K. Jensen & A. H. Meyers (Eds.), *Service learning: Linking library education and practice* (pp. 105-123). Chicago: American Library Association.

Lessard, B., & Baldwin, S. (2000). *Netslaves: True tales of working the web*. New York: McGraw-Hill.

Miller, W., & Pellen, R.M. (Eds.). (2009). *Googlization of libraries*. London: Routledge.

Noraida Hassan. (2009, Jun 15-16). *Practicing evidence base in Malaysian libraries : A CSI challenge?* Paper presented at the International Conference on Libraries, Pulau Pinang.

## Accuracy of Material

It is the responsibility of the author(s) to check the accuracy of all data, statements and references.

## Copyright

It is a condition of publication that manuscripts submitted to the journal have not been published, accepted for publication nor simultaneously submitted for publication elsewhere. By submitting a manuscript, the author(s) agree that copyright for the article is transferred to the publisher, if and when the manuscript is accepted for publication.

## Address

Manuscripts, requests for further information and other correspondence should be sent to:

Kekal Abadi
University of Malaya Library,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
E-mail: kekalabadi@um.edu.my